

SOALAN NO. 105**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

SOALAN :

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) harus diganti dengan mereka yang lebih berintegriti untuk memartabatkan SPR yang lebih bebas dan berkecuali bagi rakyat memilih Kerajaan yang dikehendaki.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan setiap Pengurus SPR adalah dibuat oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan dan boleh diambil tindakan melalui Tribunal sekiranya telah terdapat salah laku dan bukan hanya kerana persepsi atau ketidakpuasahati mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

14

SOALAN (106)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

SOALAN :-

**YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah pihak PDRM/JBPM telah
menyiasat sebarang kemungkinan terdapat unsur-unsur
pengkhianatan atau sabotaj yang dikaitkan dengan kejadian
kebakaran yang kerap berlaku di bangunan-bangunan strateqik
Kerajaan seperti bangunan KWSP dan PDRM.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mendapati, kebakaran di Bangunan KWSP Jalan Gasing, Petaling Jaya pada 13 Februari 2018 adalah berpunca dari **Single Burner LPG Flame Gun** yang digunakan oleh pekerja untuk memanaskan **granule bitumen membrane roll** bagi tujuan penyelenggaraan **water proofing** di tingkat 1 bahagian luar bangunan berkenaan.

Semasa pemanasan itu, **percikan api** telah terkena kepada **cladding** di bahagian luar bangunan yang diperbuat dari **polystyrene foam** sejenis bahan **mudah terbakar** lalu menyebabkan kebakaran merebak dengan cepat.

Oleh itu didapati kebakaran ini **tiada unsur khianat atau sabotaj**, sebaliknya terjadi secara **tidak sengaja atau accidental fire**. Apa yang berlaku ke atas bangunan KWSP, pemilik bangunan telah membuat

pengubahsuaian bahagian luar bangunan dengan menggunakan *polystyrene foam* tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Manakala hasil siasatan kebakaran yang berlaku di tingkat 10, **Bangunan Menara 2, Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia (PDRM)** pada jam 7.00 petang, 29 Julai 2015 juga didapati bahawa ianya **tiada unsur khianat atau sabotaj**.

Punca kebakaran adalah **kemalangan** akibat *smouldering fire* (api berbara) **puntung rokok** yang jatuh di atas longgokan kertas yang terpakai di ruang balkoni tingkat 10. Kebakaran tersebut hanya melibatkan bahagian luar bangunan sahaja. Tiada kecederaan atau kehilangan nyawa akibat kebakaran di bangunan tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018